

# UMNO diramal dapat separuh kerusi Parlimen, DUN baru

UM 11 JUN 2003

Oleh ROZILAN SALLEH

KUALA LUMPUR 10 Jun — UMNO dijangka memperoleh separuh daripada kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang diwartakan pada 1 Mei lepas.

Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, kcadaan itu berdasarkan kclaziman apabila berlakunya pertambahan kawasan baru pilihan raya.

“Kita adil dalam pengagihan kerusi baru ini dan ikut kelazimannya, setengah daripada kerusi baru itu diberi kepada UMNO.

“Yang lainnya diagih-agihkan di kalangan parti komponen BN yang lain,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar sebelum ini mengesahkan Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya 2003 telah diwartakan pada 1 Mei lalu, sekali gus membole-

kan 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi DUN baru di seluruh Semenanjung dan Sabah, dipertandingkan pada pilihan raya umum ke-11.

Dewan Rakyat meluluskan usul persemipadanan semula bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri pada 8 April lalu menjadikan jumlah kerusi Dewan Rakyat bertambah kepada 219 dan 567 kerusi DUN.

■ Lihat muka 4

## UMNO diramal dapat separuh kerusi Parlimen, DUN baru ✓

Mohamed berkata, BN akan mengadakan mesyuarat di kalangan parti-parti komponennya bagi membincangkan pengagihan kerusi untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

“Walaupun ada parti komponen BN telah mendesak meminta dibenarkan tambahan kerusi, itu perkara biasa tetapi pengagihan akan dibuat secara adil,” katanya.

Menurutnya, pengagihan itu akan dilakukan secara adil di kalangan semua parti komponen BN kecuali Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) yang masih berada di luar BN.

Beliau menjelaskan bahawa SNAP belum lagi diterima sebagai komponen BN sebagaimana dilakukan penangung yang juga Presiden seumur hidup parti itu, Datuk Amar James Wong.

Menurut Mohamed, tindakan Mahkamah Rayuan yang menetapkan keputusan Mahkamah Tinggi berhubung pendaftaran parti itu yang dibatalkan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), tidak bermakna SNAP secara automatik masih menganggotai BN.

“SNAP kena menyelesaikan kes mahkamah terlebih dahulu dan selepas itu kena kemukakan permohonan baru untuk menyertai

BN, dari segi teknikalnya mereka masih di luar BN.

“Kalau ada pandangan bahawa SNAP masih dalam BN, itu tidak betul, mereka sebenarnya berada di luar BN.

“Kita harap rakyat Sarawak tidak terkeliru dan sama ada permohonan mereka kita terima atau tidak, terserah kepada BN,” tegasnya.

Wong mendakwa keputusan mahkamah menarik balik pembatalan pendaftaran oleh ROS pada 5 November lalu membuktikan SNAP masih menjadi anggota parti komponen BN.

SNAP dilanda krisis apabila Wong memecat anggota Parlimen Bintulu, Datuk Seri Tiong Kong Sing pada April tahun lalu atas alasan melanggar disiplin parti.

Mengenai laporan prestasi wakil rakyat BN, Mohamed memberitahu bahawa beliau sedang di peringkat akhir menyiapkan laporan berkenaan dan akan menyerahkannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, sebelum ini terdapat wakil rakyat yang gagal menghantar laporan prestasi mereka sehingga ditegur ibu pejabat BN.

“Sejak heboh perkara itu, baru ada kesungguhan mereka menghantarnya,” jelasnya.